

Newspaper	Sinar Harian
Date	1/5/2013

8

**FOKUS MANIFESTO BN & PR**

RABU 1 MEI 2013 | SINAR HARIAN



Sinar Harian - 1/5/2013

# Rakyat didahulukan! Menepati janji bawa harapan

## 1. Menangani kos sara hidup

- Tambah BR1M sehingga RM1,200 untuk isi rumah dan RM600 untuk bujang sebagai bantuan secara tahunan dikekalkan.
- Tambah Baucer Buku 1Malaysia kepada RM300 dan Bantuan Persekolahan kepada RM150.
- Semak semula Dasar Automotif Nasional.
- Tambah bilangan Kedai Rakyat 1Malaysia.
- Membuka Klinik 1Malaysia di kawasan padat penduduk.
- Sediakan lebih banyak Pusat Jagaan Harian 1Malaysia untuk ibu bapa bekerja.
- Menurunkan yuran jalur lebar.
- Melaksanakan dasar 1Negara 1Harga bagi barangan keperluan asas.



## 2. Meningkatkan kehidupan warga bandar

- Menstrukturkan semula Kerajaan termasuk mewujudkan kementerian baru seiring dengan anjakan corak demografi bandar di negara ini.
- Memulihkan semula rumah kos rendah dan flat di bandar.
- Membina kemudahan dan kawasan rekreasi.
- Memastikan kemudahan pendidikan, latihan dan kesihatan mencukupi.
- Menambahbaikkan pengangkutan antara bandar dan penempatan.

## 3. Menyediakan rumah mampu milik

- Membina 1,000,000 rumah mampu milik - digerakkan sektor awam dan swasta termasuk 500,000 rumah PRIMA dan memastikan harga PRIMA sekurang-kurangnya 20 peratus bawah harga pasaran.
- Memperkenalkan skim sewa dan milik untuk projek perumahan kerajaan.
- Memulihkan semula projek perumahan terbelangalai.
- Memansuhkan yuran setem untuk pembelian rumah pertama berharga di bawah RM400,000.

## 4. Peluang mendapat perkhidmatan kesihatan berkualiti

- Kerajaan memberi subsidi kepada 90 peratus perkhidmatan penjagaan kesihatan.
- Menubuhkan Pusat Kanser dan Pusat Jantung di hospital utama.
- Mewujudkan kemudahan awam untuk rawatan dialisis buah pinggang.
- Melaksanakan sistem kad prihatin.
- Memperkenalkan sistem sokongan kepada rumah penjagaan untuk golongan warga tua dan menghidap sakit kronik.

## 5. Ke arah kecekapan pengangkutan awam

- Mengembangkan perkhidmatan Sistem Bas Rapid ke setiap ibu negeri.
- Terus mempertuakan sistem rel MRT, LRT dan komuter.
- Membina terminal bas, rel dan teksis bersepadu di semua pekan dan bandar.
- Menyusun semula laluan bas.
- Meningkatkan jumlah permit teksis individu.
- Melaksanakan rangkaian rel berkelajuan tinggi dan memperluaskan sistem landasan kereta api berkembar.

## 6. Pembangunan infrastruktur bertaraf dunia dan transformasi luar bandar

- Memperbanyakkan lorong dan susur keluar Lebuhraya Utara-Selatan.
- Membina 2,300 km Lebuhraya Pan Borneo.
- Menyambung Lebuhraya Pantai Timur.
- Membina Lebuhraya Pantai Barat baharu Banting-Taiping.
- Mengurangkan bayaran tol antara bandar secara berperingkat-peringkat.
- Melaksanakan konsep Kampung Abad Ke-21
- Membina 6,300 km lagi jalan raya berturap di Semenanjung, 2,500 km di Sabah dan 2,800 km di Sarawak.
- Menyelesaikan masalah bekalan air terawat di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Kelantan.

## 7. Membina ekonomi mampan, dinamik dan inovatif

- Menarik pelaburan bernilai RM1.3 trilion dan mencipta 3.3 juta peluang pekerjaan.
- Mempertingkatkan agenda Bumiputera termasuk di Sabah dan Sarawak.
- Meneruskan bayaran tunai khas dan pemberian dana untuk perbelanjaan operasi dan pembangunan sehingga melebihi 20 peratus daripada perolehan minyak dan gas.
- Membuat pembaharuan dalam struktur cukai sedia ada ke arah sistem percukaian yang lebih terbuka.
- Menyediakan dana saham amanah RM500 juta untuk meningkatkan pegangan ekuiti komuniti India kepada sekurang-kurangnya 3 peratus.
- Meningkatkan akses kredit mikro semua rakyat Malaysia.



## 8. Membina kecemerlangan pendidikan negara

- Meneruskan peruntukan khas kepada semua jenis sekolah.
- Menyediakan insentif kewangan sebanyak RM100,000 setahun kepada sekolah yang

menawarkan kelas pendidikan khas.

- Menukarkan status Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil kepada sekolah bantuan penuh kerajaan jika sekolah berkenaan ingin berbuat demikian.
- Mentransformasikan sekolah vokasional menjadi kolej dan menambah kemasukan pelajar sebanyak 20 peratus.
- Menyediakan laluan kerjaya baharu bagi membolehkan 420,000 guru dinaikkan pangkat segera berdasarkan prestasi.
- Menyediakan jalur lebar WiFi secara percuma dan terjamin di semua kampus institusi pengajian tinggi awam.
- Memperkenalkan skim pemilikan komputer riba di sekolah bersama dengan kemudahan internet.



## 9. Meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam

- Meningkatkan jumlah tenaga kerja PDRM.
- Mengukuhkan Unit Rondaan bermotosikal PDRM dengan menambah 5,000 kenderaan tambahan.
- Menambahbaikkan kebajikan, profesionalisme dan keupayaan polis, Angkatan Tentera Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.
- Menggunakan sistem 6P (Program Pemulihan) untuk mengekang pendatang asing tanpa izin.
- Mengembangkan secara meluas penggunaan CCTV untuk memantau kawasan awam.
- Pengambilan tambahan 50,000 anggota Pasukan Sukarelawan Simpanan Polis untuk membantu PDRM membuat rondaan.

## 10. Memperkasa penyertaan wanita

- Menambah jumlah wanita terlibat dalam proses membuat keputusan nasional.
- Menggalakkan kesamaan gender.
- Menyediakan lebih banyak peluang perniagaan dan ruang untuk wanita.
- Membuka pusat Asuhan 1Malaysia di semua pejabat kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta menggalakkan sektor swasta untuk melakukan perkara yang sama.
- Mengetatkan undang-undang mencegah kejadian penderaan dan gangguan seksual di rumah dan tempat kerja.

## 11. Memenuhi aspirasi belia

- Memperuntukkan tabung, latihan dan insentif kepada belia yang mahu melakukan usaha niaga komersial.
- Mewujudkan inkubator bagi memupuk

kualiti kepimpinan dan kreativiti melahirkan belia yang lebih berdaya tahan menerusi aktiviti kesukarelawan dalam IM4U.

- Mewujudkan lebih banyak lokasi WiFi percuma dengan penempatan kepada kawasan luar bandar dan separa bandar.
- Melahirkan lebih ramai atlet berprestasi tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa dan mempromosikan gaya hidup yang lebih sihat.
- Mengkaji semula undang-undang berkaitan hiburan untuk promosi seni persembahan dan kebudayaan.

## 12. Jaring keselamatan sosial

- Mengubah Brickfields di Kuala Lumpur menjadi zon mesra golongan buta.
- Mewujudkan mahkamah khas yang mempunyai status yang sama dengan Mahkamah Tinggi di bawah sistem kehakiman sedia ada bagi menyelesaikan isu tanah pribumi.
- Mewartakan semua tanah adat menerusi perundingan bersama kerajaan negeri.
- Menyediakan lebih banyak peluang untuk menjana pendapatan dalam kalangan komuniti pribumi.
- Menyediakan tabung untuk pertubuhan bukan kerajaan berdaya dan gerakan masyarakat sivil.

## 13. Mempromosikan agama Islam kebebasan dan keharmonian agama

- Mendukung Islam sebagai agama Persekutuan serta mempromosikan syiar dan syariat Islam mengikut prinsip maqasid Syariah.
- Memastikan agama lain diamalkan dalam suasana aman dan harmoni.
- Isu berkaitan dengan golongan bukan Islam diletakkan di bawah bidang kuasa seorang menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- Menaikkan pengucalian cukai untuk sumbangan ke atas pembinaan, membesarkan dan memulihara rumah ibadat.
- Mempromosikan kebajikan imam, pegawai masjid dan guru Kafa dengan menyediakan gaji berasaskan perkhidmatan dan kenaikan gaji.
- Menyediakan bantuan kewangan kepada sekolah agama rakyat dan sekolah pondok.

## 14. Memerangi gejala rasuah

- Meningkatkan ketelusan dalam prosedur perolehan kerajaan dengan mendedahkan kontrak kepada awam.
- Memberi kuasa kepada SPRM menerusi penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan SPRM yang akan bertanggungjawab terhadap perkhidmatan dan pengambilan kakitangan.
- Akses yang cepat kepada Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara untuk tindakan segera.